

Headline **Lelaki sesat dua hari di hutan FRIM ditemui selamat**
Date **05 Dec 2010**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **120,848 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **10**
Article Size **147 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,761**
PRValue **5,284**



Lelaki sesat dua hari di hutan FRIM ditemui selamat

KUALA LUMPUR – Selepas lebih 48 jam tersesat di hutan simpan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong di sini, seorang lelaki ditemui selamat di Hutan Sungai Buloh berhampiran Hospital Sungai Buloh semalam.

Phan Chun Kiat (**gambar**), 33, ditemui pada pukul 1.50 tengah hari oleh sepasukan 20 anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang melakukan operasi mencari dan menyelamatkan di kawasan hutan tersebut.



Ketika ditemui, mangsa sedang duduk di satu kawasan cerun dan berada dalam keadaan lemah selepas gagal mencari jalan keluar.

Jurucakap bilik kawalan JPAM berkata, mangsa dikatakan sesat dan terpaksa menjelajah di dalam hutan itu untuk mencari jalan keluar sehingga tersasar ke kawasan perhutanan Sungai Buloh.

“Ketika ditemui, dia kelihatan lemah kerana bertahan hanya dengan bekal sebotol air mineral dalam tempoh tersebut.

“Mangsa kemudian dibawa ke

Hospital Sungai Buloh bagi mendapatkan rawatan susulan,” katanya di sini semalam.

Chun Kiat dilaporkan hilang pada Khamis lalu apabila isterinya gagal mengesan mangsa menerusi telefon bimbitnya sebelum menghubungi FRIM bagi memaklumkan berhubung kejadian itu.

Menurut jurucakap itu lagi, operasi mencari dan menyelamatkan dilancarkan pada pukul 3 pagi kelmarin sebelum disambung semula pukul 9 pagi semalam.

Chun Kiat mempunyai pengalaman lebih enam tahun dalam aktiviti redah rimba.